

MPC100-14/1/46

13 September 2022

YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali
 Ketua Setiausaha
 Kementerian Perdagangan Antarabangdan Industri (MITI)
 Tingkat 28, Menara MITI
 No.7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
 50480, Kuala Lumpur.

Faks: 03 - 4206 5984

YBhg. Datuk,

PERMOHONAN PERUNTUKAN BAGI KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN GANTIAN KEMUDAHAN FASILITI DI BANGUNAN IBU PEJABAT DAN KOMPLEKS PEJABAT-PEJABAT WILAYAH MPC

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk, pihak MPC memerlukan kos tambahan bagi kerja-kerja pembaikan dan gantian kemudahan alatan di MPC Ibu Pejabat serta Kompleks Pejabat-pejabat Wilayah MPC (Sarawak dan Selatan). Pecahan kos diperlukan adalah seperti berikut:

Bil	Lokasi Pembaikan	Jenis Pembaikan	Peruntukan RM
1.	MPC Ibu Pejabat	1.1 Membuat perpaipan baharu Blok Inovasi MPC 1.2 Membina Bumbung bagi mengatasi kebocoran Concrete slab Blok Inovasi & Produktiviti (2 Bangunan) 1.3 Kerja-kerja turapan semula dan baiki tempat perhimpunan di Blok Produktiviti 1.4 Mendalamkan dan membuat laluan longkang di Blok Produktiviti 1.5 Pembelian bagi tujuan penggantian kelengkapan perabot kerja Pegawai-pegawai MPC	1,000,000.00

2.	MPC Wilayah Sarawak	2.1 Kerja-kerja menambak Tanah Fasa 2 2.2 Pendawaian baharu di Blok Pentadbiran dan Pembaikan Pakir Lantai Dewan	2,000,000.00
3.	MPC Wilayah Selatan	3.1 Kerja-kerja pembaikan dan pemasangan kemasan lantai di bilik-bilik asrama 3.2 Pengantian sistem audio dewan dan bilik-bilik kemudahan 3.3 Pembaikan dan penggantian bumbung Kompleks 3.4 Pembelian bagi tujuan penggantian perabot di bilik – bilik asrama 3.5 Kerja mengecat bangunan Kompleks	3,123,575.00
JUMLAH			6,123,575.00

3. Keperluan pembaikan tersebut adalah penting bagi memastikan operasi di ibu pejabat dan wilayah MPC berjalan lancar selain memberi jaminan keselamatan, keselesaan warga MPC dan pelawat amnya.

4. Bersama-sama surat ini, saya lampirkan ringkasan permohonan dan justifikasi pembaikan dan gantian kemudahan alatan (**Lampiran I**) untuk perhatian pihak YBhg. Datuk.

5. MPC berbesar hati dan menghargai kerjasama dan tindakan pihak YBhg. Datuk dapat meluluskan permohonan kami, mendapatkan peruntukan tambahan bagi kos pembaikan dan gantian kemudahan alatan di MPC Ibu Pejabat serta wilayah.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ABDUL LATIF BIN HAJI ABU SEMAN)

Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

MPC IBU PEJABAT, PETALING JAYA SELANGOR

1.0 MEMBUAT PERPAIPAN BAHARU BLOK INOVASI MPC

1.1 LATAR BELAKANG

- Bangunan MPC yang agak uzur dan mengakibatkan banyak kerosakan
- Perpaipan dibuat di dalam dinding
- Banyak paip bocor yang memerlukan dinding di pecah

1.2 OBJEKTIF DASAR

Membuat sistem retikulasi perpaipan baru bagi menggantikan sistem perpaipan lama

1.3 IMPLIKASI SEKIRANYA PERMOHONAN TIDAK DILULUSKAN

- Berlaku hampir setiap hari kebocoran di merata tempat.
- Kos yang tinggi bagi kerja-kerja pembaikan.
- Tandas terpaksa ditutup untuk beberapa hari bagi tujuan pembaikan.
Menyusahkan warga dalam menggunakan kemudahan tandas.
- Bill air tinggi akibat pembaziran
- Pengoperasian bangunan dalam keadaan uzur akan menjadi lebih buruk dan tidak mencerminkan imej MPC yang bersesuaian dengan peranan yang dimainkan di peringkat kebangsaan, serantau dan global.
- Menjejaskan keindahan bangunan MPC bagi menyambut kehadiran pemegang taruh dan pelanggan yang kerap hadir bagi menjalankan program.
- Memberi kesan kepada warga dalam melaksanakan tugas dalam keadaan yang tidak kondusif dan selesa

1.4 ANGGARAN KOS

RM 100,000.00

MPC IBU PEJABAT: RETIKULASI PAIP USANG DAN SERING BOCOR

BLOK INOVASI MPC



**MPC IBU PEJABAT: KEBOCORAN BANYAK BERLAKU DITEMPAT PENYAMBUNGAN
PAIP**



MPC IBU PEJABAT, PETALING JAYA SELANGOR

2.0 MEMBINA BUMBUNG BAGI MENGATASI KEBOCORAN CONCRETE SLAB BLOK INOVASI & PRODUKTIVITI (2 BANGUNAN)

2.1 LATAR BELAKANG

- Bangunan MPC yang agak uzur dan mengakibatkan banyak kerosakan
- Kerja-kerja grouting telah dilakukan tapi masih ada kebocoran
- Telah membuat kerja-kerja water proofing sebanyak 2 kali. Masih berlaku kebocoran.
- Pergerakan bangunan akibat pembangunan PJ Sentral, struktur bangunan bergerak mengakibatkan kebocoran

2.2 OBJEKTIF DASAR

- Membuat binaan bumbung serta penghadang angin di kawasan tangki air/cooling tower bagi pembaikan total
- Menggantikan perabung sedia ada kepada yang lebih lebar bagi mengelak berlakunya kebocoran berulang kerana kerja-kerja water proofing tidak tahan lama.

2.3 IMPLIKASI SEKIRANYA PERMOHONAN TIDAK DILULUSKAN

- Berlaku kebocoran di tempat kerja warga dan ini menyebabkan warga kurang selesa apa tempat kerja dan laluan warga ditakungi air.
- Memanjangkan jangka hayat instrument seperti cooling tower, tangki bomba, tangki domestik dan pam air domestik.
- Pengoperasian bangunan dalam keadaan uzur akan menjadi lebih buruk dan tidak mencerminkan imej MPC yang bersesuaian dengan peranan yang dimainkan di peringkat kebangsaan, serantau dan global.
- Menjejaskan keindahan bangunan MPC apabila menyambut kehadiran pemegang taruh dan pelanggan yang kerap hadir bagi menjalankan program.
- Memberi kesan kepada warga dalam melaksanakan tugas dalam keadaan yang tidak kondusif dan selesa

2.4 ANGGARAN KOS

RM 400,000.00

**MPC IBU PEJABAT: CONCRETE SLAB (BUMBUNG) KERAP MENGALAMI
KEBOCORAN**



MPC IBU PEJABAT: INSIDEN SILING JATUH DI RUANG KERJA WARGA



MPC IBU PEJABAT, PETALING JAYA SELANGOR

3.0 KERJA-KERJA TURAPAN SEMULA DAN BAIKI TEMPAT PERHIMPUNAN DI BLOK PRODUKTIVITI

3.1 LATAR BELAKANG

- Kawasan laluan kenderaan MPC Blok Produktiviti telah mengalami banyak kerosakan (berlubang)
- Kawasan berkumpul perlu dinaiktaraf akibat kerosakan laluan kenderaan setiap hari

3.2 OBJEKTIF DASAR

- Kawasan laluan kenderaan MPC Blok Produktiviti telah mengalami banyak kerosakan (berlubang)
- Kawasan berkumpul perlu dinaiktaraf akibat kerosakan laluan kenderaan setiap hari

3.3 IMPLIKASI SEKIRANYA PERMOHONAN TIDAK DILULUSKAN

- Selalu berlaku kerosakan kenderaan warga dan pelawat ketika mengunjungi MPC
- Air akan bertakung dan menyusahkan warga melalui kawasan berlopal
- Menjejaskan keindahan persekitaran MPC dan tidak memburukkan pemandangan apabila adanya program lawatan dari luar
- Boleh mendatangkan kerosakan kepada kenderaan warga dan pelawat

3.4 ANGGARAN KOS

RM 80,000 (road marking dan petak kereta serta kerja-kerja kisaran dan membuang lapisan turapan asal)

MPC IBU PEJABAT: MASALAH LUBANG MENAKIBATKAN KEROSAKAN KENDERAAN WARGA



MPC IBU PEJABAT, PETALING JAYA SELANGOR

4.0 MENDALAMKAN DAN MEMBUAT LALUAN LONGKANG DI BLOK PRODUKTIVITI

4.1 LATAR BELAKANG

- Longkang sedia ada tidak dapat berfungsi sepenuhnya kerana tidak dapat menampung air hujan.

4.2 OBJEKTIF DASAR

- Mendalamkan dan membuat laluan baru bagi menampung jumlah hujan yang banyak serta menaiktaraf longkang sedia ada bagi memastikan ianya berfungsi secara optimum.

4.3 IMPLIKASI SEKIRANYA PERMOHONAN TIDAK DILULUSKAN

- Keadaan kelengkapan perabot yang tidak begitu baik dan menyelesaikan selalu memberi kesan kepada kualiti kerja pegawai.
- Memberi impak kepada imej MPC apabila perabot pegawai adalah lama dan tidak kondusif untuk digunakan.
- Menjejaskan keindahan bangunan MPC bagi menyambut kehadiran pemegang taruh dan pelanggan yang kerap hadir bagi menjalankan program.

4.4 ANGGARAN KOS

RM 70,000

**MPC IBU PEJABAT: MENDALAMKAN DAN MEMBUAT LALUAN LONGKANG BAGI
MENGELAKKAN AIR MASUK KE DEWAN PRODUKTIVITI**



MPC IBU PEJABAT, PETALING JAYA SELANGOR

5.0 PEMBELIAN BAGI TUJUAN PENGGANTIAN KELENGKAPAN PERABOT KERJA PEGAWAI-PEGAWAI MPC

5.1 LATAR BELAKANG

- Kelengkapan perabot kerja pegawai didapati banyak yang telah rosak dan tidak boleh digunakan lagi.
- Kebanyakan perabot yang digunakan oleh pegawai adalah pembelian tahun 2004 (19 tahun tidak diganti)
- Pembaikan perabot adalah tidak menjimatkan dan keadaan perabot yang uzur tidak memberi keselesaan pada pegawai dalam melaksanakan tugas harian mereka.

5.2 OBJEKTIF DASAR

- Menggantikan perabot lama dengan pembelian perabot baru secara kontrak berpusat.

5.3 IMPLIKASI SEKIRANYA PERMOHONAN TIDAK DILULUSKAN

- Keadaan kelengkapan perabot yang tidak begitu baik dan menyelesaikan selalu memberi kesan kepada kualiti kerja pegawai.
- Memberi impak kepada imej MPC apabila perabot pegawai adalah lama dan tidak kondusif untuk digunakan.

5.4 ANGGARAN KOS

RM 350,000

MPC WILAYAH SARAWAK

6.0 KERJA-KERJA MENAMBAK TANAH FASA 2

6.1 LATAR BELAKANG

- Pembaikan tanah termasuk lantikan perunding dan kontraktor (Guna Semula Tanah)

6.2 OBJEKTIF DASAR

- Membuat baikpulih tanah dan kerja-kerja tambakan tambahan tanah (filling and soil treatment)

6.3 IMPLIKASI SEKIRANYA PERMOHONAN TIDAK DILULUSKAN

- Tidak dapat memaksimakan penggunaan tanah bagi tujuan aktiviti MPC
- Kos memotong rumput tinggi – semak samun sebab tanah tidak digunakan.

6.4 ANGGARAN KOS

RM 1,700,000.00

The site plan illustrates the layout of the Baharu development. Key features include:

- Baharu Earthworks Part 2:** Three distinct areas are marked for earthworks, located on the left, top center, and bottom right of the main site.
- Drainage Works:** Indicated by blue lines and circles, showing planned drainage paths and structures.
- Fencing Works:** A purple line outlines the perimeter where fencing is required.
- Building Repair Works:** Red arrows point to specific buildings, including the 'SEMINAR HALL', 'COVERED WALKWAY', 'MARK BLOCK', and 'SEMINAR ROOM & LECTURE BLOCK', indicating areas for repair.
- Earthworks Complete:** A green shaded area in the bottom left corner represents the completed earthworks zone.
- Roads:** The plan shows an 'EXISTING BITUMEN ROAD' at the top, 'JALAN DEMAK LAUT 3a' on the right, and 'JALAN DEMAK LAUT 3' at the bottom.
- Inset Map:** A 'LOCALITY PLAN' in the top right corner shows the site's location within a larger urban context.

Baharu

Earthworks Part 2

Earthworks Complete

Baharu

Earthworks Part 2

Fencing Works

Baharu

Building Repair Works

JALAN DEMAK LAUT 3

MPC WILAYAH SARAWAK

7.0 PENDAWAIAN BAHARU DI BLOK PENTADBIRAN DAN PEMBAIKAN PAKIR LANTAI DEWAN

7.1 LATAR BELAKANG

- Pendawaian semula elektrik di Blok Pentadbiran dan Pembaikan Pakir Lantai Dewan

7.2 OBJEKTIF DASAR

- Melaksanakan pendawaian semula
- Penukaran Pakir Lantai Dewan kepada heavy duty vinyl

7.3 IMPLIKASI SEKIRANYA PERMOHONAN TIDAK DILULUSKAN

- Lintar pintas akan kerap berlaku (4 kali).
- Menjejaskan imej MPC

7.4 ANGGARAN KOS

RM 300,000.00

MPC WILAYAH SELATAN

8.0 KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN PEMASANGAN KEMASAN LANTAI DI BILIK-BILIK ASRAMA

8.1 LATAR BELAKANG

- MOH telah mengarahkan karpet asal dibuang sebelum dijadikan tempat pusat kuarantin Covid-19. Sehingga kini tikar getah digunakan sebagai kaedah sementara.
- Kebanyakan tikar getah ini mudah koyak dan meninggalkan kesan pemandangan yang boleh menjejaskan imej MPC selain memerlukan kos penggantian yang kerap.

8.2 OBJEKTIF DASAR

- Membaiki dan memasang kemasan jubin lantai di bilik-bilik asrama

8.3 IMPLIKASI SEKIRANYA PERMOHONAN TIDAK DILULUSKAN

- Keselesaaan orang awam yang menginap di bilik-bilik asrama akan terjejas
- Kerosakan tikar getah memerlukan kos untuk penggantian yang kerap.
- Menjejaskan imej MPC dalam penyediaan kemudahan dan sebagai persediaan kepada menjalankan projek berimpak besar di dalam premis

8.4 ANGGARAN KOS

RM 180,000.00

**MPC WILAYAH SELATAN: PEMBAIKAN DAN PEMASANGAN KEMASAN LANTAI
DI BILIK-BILIK ASRAMA**



MPC WILAYAH SELATAN

9.0 PENGANTIAN SISTEM AUDIO DEWAN DAN BILIK-BILIK KEMUDAHAN

9.1 LATAR BELAKANG

- Keadaan sistem audio sedia ada yang telah usang berikutan faktor usia peralatan yang seiring usia bangunan sejak tahun 1990-an; dan
- Kos untuk pembaikan yang mahal kerana alat ganti sistem audio sedia ada merupakan peralatan lama, sukar dicari dan tidak sama dengan alat ganti di pasaran dengan teknologi yang lebih baik.

9.2 OBJEKTIF DASAR

- Menggantikan sistem audio yang baharu bagi dewan dan bilik – bilik kemudahan

9.3 IMPLIKASI SEKIRANYA PERMOHONAN TIDAK DILULUSKAN

- Keadaan sistem audio memberi kesan kepada kelancaran program yang diadakan di Premis MPC berikutan kualiti audio yang tidak stabil.
- Menjejaskan imej MPC khususnya dalam menjalankan projek berimpak besar di dalam dewan dan bilik-bilik kemudahan sedia ada.

9.4 ANGGARAN KOS

RM 200,000.00

MPC WILAYAH SELATAN

10.0 PEMBAIKAN DAN PENGGANTIAN BUMBUNG KOMPLEKS (Bangunan Pejabat, Bilik TQM, Bilik ICC dan Dewan Produktiviti)

10.1 LATAR BELAKANG

- Bumbung bangunan di MPC wilayah Selatan adalah bumbung sedia ada yang telah dibangunkan sejak 1999.
- Telah berlaku banyak kebocoran pada siling bangunan dan meninggalkan kesan tompok-tompok pada siling bangunan khususnya pada hari hujan;
- Pembaikan akibat kebocoran yang berlaku telah kerap dijalankan.
- Namun masih lagi berlaku kebocoran dan ianya menjadi keperluan agar usaha MPC untuk memasang Panel Solar bagi tujuan penjimatan elektrik dapat direalisasikan bagi menampung berat panel solar yang akan dipasang pada struktur bumbung tersebut .
- Untuk memastikan keselesaan warga dan orang awam yang hadir menggunakan kemudahan di kompleks MPC Wilayah Selatan supaya dalam keadaan yang baik dan selamat.

10.2 OBJEKTIF DASAR

- Menggantikan bumbung yang baharu bagi menggantikan bumbung lama di Bangunan Pejabat, Bilik TQM, Bilik ICC dan Dewan Produktiviti


10.3 IMPLIKASI SEKIRANYA PERMOHONAN TIDAK DILULUSKAN

- Bumbung bangunan di MPC wilayah Selatan adalah bumbung sedia ada yang telah dibangunkan sejak 1999.
- Telah berlaku banyak kebocoran pada siling bangunan dan meninggalkan kesan tompok-tompok pada siling bangunan khususnya pada hari hujan;
- Pembaikan akibat kebocoran yang berlaku telah kerap dijalankan.
- Namun masih lagi berlaku kebocoran dan ianya menjadi keperluan agar usaha MPC untuk memasang Panel Solar bagi tujuan penjimatan elektrik dapat direalisasikan bagi menampung berat panel solar yang akan dipasang pada struktur bumbung tersebut .
- Untuk memastikan keselesaan warga dan orang awam yang hadir menggunakan kemudahan di kompleks MPC Wilayah Selatan supaya dalam keadaan yang baik dan selamat.

10.4 ANGGARAN KOS

RM2,063,575.00

**MPC WILAYAH SELATAN: GAMBAR KEBOCORAN PADA SILING AKIBAT
MASALAH BUMBUNG**



MPC WILAYAH SELATAN

11.0 KERJA MENGECAT BANGUNAN KOMPLEKS

11.1 LATAR BELAKANG

- Keadaan cat bangunan kompleks yang telah usang berikutan faktor usia cat bangunan yang seiring usia pembangunan kompleks sejak tahun 1990-an.
- Tidak pernah menjalankan kerja-kerja mengecat bangunan sejak bangunan mula siap dibangunkan pada tahun 1990-an; dan
- Kualiti cat dan imej bangunan yang tidak begitu baik dan menarik selalu memberi kesan kepada kualiti pandangan dan imej apabila melibatkan agensi-agensi luar dan orang awam yang mengadakan program di Kompleks MPC Wilayah Selatan.

11.2 OBJEKTIF DASAR

- Mengecat semula Bangunan Kompleks Wilayah Selatan


11.3 IMPLIKASI SEKIRANYA PERMOHONAN TIDAK DILULUSKAN

- Menjejaskan imej MPC khususnya dalam menjalankan projek berimpak besar dengan penampilan imej yang telah berusia dan suram; dan
- Kerosakan dinding yang tidak lagi mendapat perlindungan daripada cat akan menjadi lebih parah

11.4 ANGGARAN KOS

RM 500,000.00

MPC WILAYAH SELATAN: GAMBAR KELENGKAPAN PERABOT DAN KEROSAKAN YANG BERLAKU



MPC WILAYAH SELATAN

12.0 PEMBELIAN BAGI TUJUAN PENGGANTIAN PERABOT DI BILIK – BILIK ASRAMA

12.1 LATAR BELAKANG

- Kelengkapan perabot seperti katil dan almari sedia ada seringkali rosak dan tidak dapat digunakan pada tahap yang baik;
- Keadaan perabot sedia ada yang telah usang berikutan faktor usia peralatan yang seiring usia bangunan sejak tahun 1990-an dengan melibatkan sebanyak hampir 40 bilik; dan
- Keadaan kelengkapan perabot yang tidak begitu baik dan menyelesaikan selalu memberi kesan kepada kualiti menginap bagi orang awam yang mengadakan program di Premis MPC Wilayah Selatan berikutan kualiti tilam dan katil yang tidak memuaskan.

12.2 OBJEKTIF DASAR

- Menggantikan kelengkapan perabot di bilik-bilik asrama MPC Wilayah Selatan dengan menggunakan kaedah kontrak berpusat

12.3 IMPLIKASI SEKIRANYA PERMOHONAN TIDAK DILULUSKAN

- Menjejaskan imej MPC khususnya dalam menjalankan projek berimpak besar yang memerlukan penginapan di bilik asrama sedia ada; dan
- Peralatan sedia ada tidak dapat digunakan dengan baik serta tidak dapat memberi keselesaan kepada penginap.

12.4 ANGGARAN KOS

RM 180,000.00

MPC WILAYAH SELATAN: KEROSAKAN CAT PADA BANGUNAN MPC

